

EDARAN UNTUK AHLI SAHAJA

BUKU PERLEMBAGAAN **PEKERTI**

PERSATUAN KHAIRAT KEMATIAN ORANG-ORANG ISLAM
TAMAN MELATI SETAPAK KUALA LUMPUR
(PPM-001-14-03101984)



PEKERTI

**PERLEMBAGAAN
PERSATUAN KHAIRAT KEMATIAN ORANG-ORANG ISLAM TAMAN MELATI SETAPAK
KUALA LUMPUR**

(PPM-001-14-03101984)

FASAL	Pindaan
FASAL 1	(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama PERSATUAN KHAIRAT KEMATIAN ORANG-ORANG ISLAM TAMAN MELATI SETAPAK KUALA LUMPUR selepas ini disebut Pertubuhan. (2) Nama Ringkas : PEKERTI (3) Takrif Nama : PEKERTI adalah singkatan kepada nama pertubuhan iaitu Persatuan Khairat Kematian Orang-Orang Islam Taman Melati Setapak Kuala Lumpur. (4) Bertaraf : Negeri
FASAL 2	(1) Alamat dan tempat urusan pertubuhan ialah MADRASAH IKTISAMIAH JALAN TAMAN MELATI 8, TAMAN MELATI, 53100 KUALA LUMPUR. atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Tertinggi dan alamat untuk surat-menyurat adalah MADRASAH IKTISAMIAH, JALAN TAMAN MELATI 8, TAMAN MELATI, 53100 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR. (2) Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
FASAL 3	(1) Memberi bantuan kewangan secara sekali sahaja (<i>one off</i>) kepada waris yang sah atau penama yang didaftarkan apabila berlaku kematian ahli atau tanggungan ahli yang didaftarkan termasuk suami, isteri, seorang (1) anak yang berumur 21 tahun ke bawah) dan ibu bapa ahli. (2) Ahli bertanggungjawab mengemaskini maklumat tanggungan pada bila-bila masa atau diminta oleh pengurusan.

FASAL 4	(1) Kategori Keahlian (a) Ahli Biasa – i. Keahlian kategori Ahli Biasa persatuan ini hendaklah dibuat melalui borang permohonan dan diluluskan serta ahli berdaftar yang membayar yuran tahunan dalam tempoh ditentukan. ii. Terbuka kepada warganegara Malaysia menetap atau bermastautin di Taman Melati, berumur tidak kurang 21 tahun ketika membuat permohonan. iii. Seseorang pemohon mestilah membuat permohonan dengan menyertakan dokumen berikut; - Borang permohonan. - Satu salinan Kad Pengenalan Pemohon. - Satu salinan Bil Utiliti bagi rujukan tempat tinggal pemohon. - Bayaran yuran tahun semasa. iv. Seseorang pemohon diterima sebagai ahli persatuan ini setelah perkara (iii) di atas lengkap dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tertinggi atau dalam Mesyuarat Jawatankuasa. v. Ahli kategori ini layak untuk hadir, dipilih dan dilantik serta mengundi, memberi usul dan berbahas dalam Mesyuarat Agung. (b) Ahli Bersekutu – Keahlian kategori Ahli Bersekutu adalah ahli berdaftar yang membayar yuran tahunan semasa tetapi telah berpindah atau bermastautin di luar Taman Melati sama ada dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau negeri-negeri dalam Malaysia. (c) Ahli kategori ini layak hadir tetapi tidak boleh dipilih dan dilantik serta tidak boleh mengundi dalam Mesyuarat Agung. (d) Ahli kategori ini akan terlucut keahlian secara automatik sebaik sahaja tahun semasa berakhir. (2) Seseorang ahli mestilah mendaftarkan maklumat diri dan tanggungan termasuk suami atau isteri, seorang (1) anak berumur bawah 21 tahun dan ibu bapa ahli. (3) Seseorang ahli yang memberikan maklumat tidak tepat atau palsu secara automatik akan dilucutkan keahliannya serta-merta. (4) Seseorang yang tinggal di luar Taman Melati tidak boleh membuat permohonan menjadi ahli. (5) Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftar namanya, nama-nama tanggungannya dan nama warisnya yang lengkap dengan umur dan alamat kepada Setiausaha. (6) Ahli bertanggungjawab membuat kemas kini maklumat diri dan tanggungan dari ke semasa bagi memudahkan pengurusan. (7) Permohonan untuk menjadi ahli akan diluluskan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi pertubuhan setelah meneliti dan mendapati permohonan tersebut lengkap dan menepati syarat menjadi ahli. (8) Permohonan menjadi ahli berhak ditolak sekiranya didapati kelayakan menjadi ahli tidak menepati syarat ditetapkan atau bertentangan dengan perlembagaan pertubuhan.
---------	---

FASAL 5	(1) Tiap-tiap ahli ahli hendaklah membayar yuran tahunan sebanyak RM 60.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Sahaja) kepada Bendahari pada tiap-tiap tahun sebelum 15 Jun tahun berkenaan. (2) Ahli yang tidak membayar yuran seperti Fasal 5(1) akan diberikan peringatan sama ada secara bertulis atau peringatan yang dipamerkan diberi tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh peringatan untuk menjelaskan yuran. Sekiranya ahli masih tidak membayar dalam tempoh lanjutan tersebut, keahliannya dianggap terbatal dan tidak layak menerima apa-apa bantuan. (3) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara-perkara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Luar Biasa atau Mesyuarat Jawatankuasa perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan mengikut notis yang dikeluarkan. (4) Sekiranya Fasal 5(3) ini tidak dibayar, maka wang itu dianggap sama seperti tunggakan yuran tahunan. (5) Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam apa-apa bentuk dan sumbangan yang diterima hendaklah diisytiharkan di dalam Penyata Tahunan Pertubuhan (6) Ahli Jawatankuasa pada tahun semasa dibolehkan menggunakan sepuluh peratus (10%) daripada sumbangan atau apa-apa punca pendapatan lain pada tahun semasa sebagai perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa boleh digunakan untuk menentukan jumlah peruntukan yang diperlukan atas keperluan yang munasabah. (7) Segala wang yang diterima setelah ditolak wang yang dibenarkan hendaklah dimasukkan ke dalam bank sebagai tabungan pertubuhan.
FASAL 6	(1) Wang tabungan persatuan ini hendaklah digunakan untuk tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 3 dan Fasal 5 (6) dan (7) yang dinyatakan dalam perlembagaan pertubuhan. (2) Sejumlah RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja) diperuntukkan sebagai wang tunai yang disimpan oleh Bendahari dalam satu-satu masa sebagai <i>petty cash</i> untuk bayaran tuntutan yang dibuat ahli sekiranya berlaku kematian dan perbelanjaan mengurus pertubuhan. (3) Sejumlah RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Khas diperuntukkan kepada tiap-tiap ahli yang dilantik sebagai Jawatankuasa yang menghadiri tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Khas. (4) Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Khas boleh memperuntukkan sejumlah RM 350.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Lima Puluh Sahaja) sebagai bayaran kepada Bendahari yang menjalankan tugas pentadbiran di pejabat pertubuhan. (5) Wang tabungan hendaklah disimpan dalam suatu akaun yang berasingan dengan akaun pentadbiran pada bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa dan akaun bank itu hendaklah atas nama pertubuhan.

FASAL 7	(1) Bantuan kewangan yang dimaksudkan adalah bantuan perbelanjaan pengurusan jenazah yang dinyatakan bagi Fasal 7(2) di bawah. (2) Wang bantuan akan dikeluarkan apabila berlaku kematian seperti di bawah ini:- (a) Atas kematian ahli sendiri RM 1600.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Enam Ratus Sahaja) (b) Atas kematian isteri / suami ahli RM 1600.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Enam Ratus Sahaja) (c) Atas kematian anak ahli RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) (d) Atas kematian ibu / bapa ahli RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)
FASAL 8	(1) Wang bantuan yang dinyatakan bagi Fasal 7 diberikan bagi nama-nama yang didaftarkan yang sentiasa dikemas kini oleh ahli yang membayar yuran ditetapkan. (2) Sekiranya nama-nama bagi Fasal 7(2) tidak didaftarkan oleh ahli, wang bantuan tidak akan diberikan melainkan atas budi bicara pengurusan setelah dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Khas. (3) Tuntutan kewangan boleh dibuat dengan mengemukakan dokumen berikut; (a) Salinan Sijil Kematian atau Laporan Polis (b) Salinan Kad Pengenalan Si-Mati (c) Salinan Kad Pengenalan Pemohon (d) Salinan Buku / Penyata Akaun (jika berkenaan) (5) Bagi kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli dan bagi kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayar kepada warisnya yang sah. (6) Ahli-ahli yang berstatus adik beradik dan / atau bersaudara yang mendaftarkan tanggungan yang sama seperti ibu bapa dan lain-lain maka satu bantuan sahaja akan dibayar.
FASAL 9	(1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan pada : (a) Seorang Pengerusi (b) Seorang Timbalan Pengerusi (c) Seorang Setiausaha (d) Seorang Penolong Setiausaha (e) Seorang Bendahari (f) Seorang Penolong Bendahari (g) Lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa Biasa (2) Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan juga hendaklah melantik; (a) Dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira bagi memeriksa, menyemak dan memperaku dan menandatangani laporan atau penyata kira-kira kewangan pertubuhan sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam setahun atau pada bila-bila masa difikirkan perlu. (3) Jawatankuasa Tertinggi pertubuhan ini adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan Penolong Bendahari bagi menjalankan tugas yang diperuntukkan dalam perlembagaan atau dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Khas.

	(4) Pemegang-pemegang jawatan pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam pertubuhan ini. (5) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan dan disokong serta pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan sekiranya nama yang dicadangkan lebih daripada satu nama untuk mengisi satu jawatan. Semua pegawai boleh dipilih semula sekiranya memenangi undi. (6) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara pengurusan pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Khas. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan mesyuarat dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan. (7) Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan atau pada bila-bila masa di atas keperluan pengurusan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi atau Setiausaha dengan bersendirian atau keputusan bersama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (2/3) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat. (8) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling atau apa-apa cara yang sesuai dengan keadaan semasa. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan : (a) Perkara yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam edaran kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa; (b) 2/3 atau lebih daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan (c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui edaran pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat. (9) Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa. (10) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka Jawatankuasa Tertinggi boleh mencadangkan untuk melantik ahli lain memenuhi kekosongan itu dan hendaklah dan diminitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa jawatannya sehingga Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan diadakan. (11) Jawatankuasa Tertinggi boleh membentuk Biro-Biro dan melantik Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa tetapi ahli ini tidak tertakluk kepada Fasal 6(3) dalam perlembagaan ini.
--	---

	(12) Mesyuarat Jawatankuasa boleh melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. (13) Mesyuarat Jawatankuasa boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab. yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan pertubuhan. (14) Semua Jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab memelihara dokumen pertubuhan pada setiap masa serta hendaklah memastikan ianya diserahkan dengan lengkap kepada jawatankuasa baru jika berlaku sebarang peralihan kepimpinan.
FASAL 10	(1) Pengerusi dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah mempengerusi segala Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan serta bertanggungjawab di atas kesempurnaannya. Pengerusi juga mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit mesyuarat apabila ianya diluluskan. (2) Timbalan Pengerusi akan membantu Pengerusi menyelia urusan pentadbiran pertubuhan dan memangku tugas Pengerusi semasa ketiadaannya. (3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran mengikut perlembagaan dan mengikut segala perintah mesyuarat agung serta Mesyuarat Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab mengurus serta menyimpan semua dokumen rasmi pertubuhan termasuklah peringatan-peringatan Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Khas dan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan, notis, surat dan kenyataan dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia, sentiasa mengemaskini senarai daftar ahli. Setiausaha hendaklah memastikan senarai daftar ahli mengandungi butir-butir seperti berikut: (a) Nombor Ahli (b) Nama Ahli (c) Tarikh Menjadi Ahli (d) Umur / Tarikh Lahir (e) No. Kad Pengenalan (f) Alamat (g) Pekerjaan (h) Nama-Nama Tanggungan (i) Nama Waris (4) Penolong Setiausaha akan membantu Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya serta memangku tugas semasa ketiadaannya. (5) Bendahari bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan. Beliau hendaklah memastikan segala yuran Pertubuhan dipungut, mengemaskini maklumat yuran dan kira-kira wang masuk dan keluar pertubuhan. Bendahari juga hendaklah bertanggungjawab di atas ketepatan: (a) Penyata Kira-Kira Bulanan; dan (b) Penyata Kira-Kira Tahunan yang diperiksa, disemak dan diperakukan oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan. (c) Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai di tangannya pada satu-satu masa sebanyak RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja) sebagai <i>petty cash</i> pada satu-satu masa sebagai persediaan wang tuntutan dan pengurusan pentadbiran . (d) Bendahari hendaklah dimasukkan segala wang lebihan selain urusan tuntutan dan pengurusan pentadbiran ke dalam akaun bank yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang

	diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha. Akaun bank itu hendaklah di atas nama pertubuhan. (6) Ahli Jawatankuasa biasa hendaklah hadir dalam mesyuarat dan membantu pegawai-pegawai menjalankan tugas-tugas mereka.
FASAL 11	(1) Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan hendaklah diadakan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan terakhir bagi tujuan; (a) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu; (b) Membentangkan Laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan pertubuhan di dalam tahun lalu; (c) Menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu; (d) Memilih Jawatankuasa dan melantik Pemeriksa Kira-Kira untuk dwi-tahun yang akan datang; dan (e) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu. (2) Pengelolaan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan pertubuhan ini hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurangnya tiga (3) kali ganda Ahli Jawatankuasa bagi mengesahkan pelaksanaan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mengadakan mesyuarat. (3) Jika korum tidak mencukupi tiga puluh (30) minit daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas tiga puluh (30) minit daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda Perlembagaan Pertubuhan. (4) Notis mengadakan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan pertubuhan ini hendaklah dimaklumkan kepada ahli-ahli secara bertulis sama ada jemputan individu atau dipamerkan di mana-mana bahagian di hadapan atau berhampiran pejabat pertubuhan sebagai pemberitahuan kepada ahli tentang maksud mesyuarat diadakan.
FASAL 12	(1) Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan: (a) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau (b) atas permohonan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima 1/5 dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permohonan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan. (2) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh penerimaan permohonan mesyuarat itu. (3) Pemakluman dan agenda Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan atau dipamerkan di hadapan atau di tempat berhampiran pejabat pertubuhan oleh Setiausaha sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh mesyuarat kepada ahli-ahli secara bertulis atau melalui makluman yang dipamerkan di mana-mana bahagian di hadapan atau berhampiran pejabat pertubuhan sebagai pemberitahuan kepada ahli tentang maksud mesyuarat diadakan. (4) Fasal 11(1) kecuali Fasal 11(1)(d) dan Fasal 11(2) dalam perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak

	mencukupi selepas tiga puluh (30) minit dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
FASAL 13	(1) Dua (2) orang yang bukannya pegawai pertubuhan hendaklah dilantik di dalam tiap-tiap Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-Kira. (2) Pemeriksa Kira-Kira yang hendak dilantik bukan ahli yang pernah memegang jawatan Bendahari pada tahun sebelumnya. (3) Pemeriksa Kira-Kira berhak memeriksa, menyemak dan memperakui laporan kewangan, penyata kira-kira bulanan, penyata kira-kira tahunan dan segala perbelanjaan pertubuhan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau pada bila-bila masa diperlukan dengan memaklumkan terlebih dahulu sekurang-kurangnya satu (1) bulan dari tarikh pemeriksaan kepada Bendahari. (4) Memperakui dan menandatangani Penyata Kira-Kira Tahunan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas.
FASAL 14	(1) Ahli boleh menamakan seorang waris atau sebagai penama didaftarkan yang akan membuat tuntutan dan menerima wang bantuan pengurusan jenazah apabila berlaku kematian ahli atau tanggungan ahli yang didaftarkan. (2) Seseorang penama yang bukan daripada waris yang sah hendaklah mengemukakan surat perakuan bertulis atau suratakuan bersumpah yang disaksikan oleh seorang Jaksa Pendamai atau Majistret atau Pendaftar Mahkamah atau Penolong Pendaftar Mahkamah di Malaysia. (3) Ahli boleh mendapatkan satu salinan laporan kewangan pertubuhan yang telah diaudit dalam tempoh satu (1) bulan selepas diaudit dengan menyediakan permohonan bertulis serta mengemukakan alasan munasabah kepada Bendahari melalui Pengerusi. (4) Ahli-ahli boleh mengemukakan usul, cadangan atau kemusykilan dalam Mesyuarat Agung untuk dibincangkan dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad. (5) Ahli yang sengaja melanggar perlembagaan pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik yang boleh mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada pertubuhan ini boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat ahli itu diberitahu secara bertulis sebab-sebab pemecatan dan diberi peluang untuk memberi penjelasan bertulis yang munasabah tidak boleh dipecat dalam tempoh empat belas (14) hari dari surat pemberitahuan pemecatan atau dengan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas untuknya. Jika 2/3 Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi menyokong pemecatan tersebut, maka ahli itu dipecat dengan serta merta. (6) Ahli yang hendak berhenti menjadi ahli Pertubuhan ini hendaklah memberi permohonan bertulis empat belas (14) hari dari tarikh pemberhentian dikehendaki kepada Setiausaha.

FASAL 15	Mesyyuarat Jawatankuasa atau Mesyyuarat Khas atau Mesyyuarat Agung Dwi-Tahunan boleh memberi tafsiran kepada perlembagaan ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam perlembagaan ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad atau sehingga diubah oleh keputusan Mesyyuarat Agung Dwi-Tahunan.
FASAL 16	(1) Pindaan perlembagaan ini hendaklah diluluskan dalam Mesyyuarat Agung oleh majoriti daripada jumlah ahli yang hadir, akan tetapi pindaan bagi mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam perlembagaan ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli-ahli Pertubuhan dengan cara undi sulit. (2) Persetujuan meminda perlembagaan dalam Mesyyuarat Agung hendaklah dilaporkan kepada Pendaftar pertubuhan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan Mesyyuarat Agung meluluskan pindaan tersebut dan dikuatkuasakan sebaik laporan pindaan dilaporkan kepada Pendaftar pertubuhan.
FASAL 17	(1) Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan 3/4 daripada ahli-ahli Pertubuhan ini di dalam Mesyyuarat Agung yang diadakan khas untuknya. Apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan Pertubuhan ini, perlu mendapatkan nasihat daripada Pendaftar Pertubuhan. (2) Pembubaran itu hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran.
FASAL 18	(1) Lambang atau Lencana pertubuhan (a) Maksud - Kubah & Menara Masjid bermaksud kesucian syiar Islam - Lingkaran 8 penjuru bermaksud lingkungan hidup umat Islam sentiasa berada dalam landasan agama Islam. - Tulisan PEKERTI bermaksud singkatan nama persatuan. - Warna hijau bermaksud warna tradisi Islam terhadap kelembutan dan kesantunan Islam yang digemari Rasulullah s.a.w. - Warna biru bermaksud kerukunan hidup yang tidak tercemar yang sentiasa dipelihara.

(2) Bendera pertubuhan



(a) Maksud

- Segitiga berwarna kuning bermaksud hala tuju umat Islam ke arah kemurnian aqidah dan syariat Islam.
- Segitiga berwarna hijau bermaksud pegangan umat Islam yang mantap melalui Rukun Islam dan Rukun Iman.
- Logo bermaksud lambang persatuan yang mengutamakan kebajikan ahli-ahlinya.
- Warna Hijau pada kedua-dua segitiga tepat bermaksud keluhuran dan keperibadian ahli-ahli yang sentiasa taat dan patuh kepada aqidah Islam.
- Warna Kuning pada segitiga dua sama bermaksud kesucian agama Islam yang sentiasa memayungi ketamadun umat hingga akhir zaman.

Hak Cipta ®

(PPM-001-14-03101984)

Persatuan Khairat Kematian Orang-Orang Islam Taman Melati Kuala Lumpur
Madrasah Iktisamiah, Jalan Taman Melati 8, Taman Melati, 53100 Kuala Lumpur